



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

17 OGOS 2022 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHMAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

17 OGOS 2022 (RABU)



ANTARA lori dan tangki untuk menyimpan diesel yang dirampas pihak berkuasa.

Untung 'atas angin'

Sindiket seleweg diesel kantoai ubah suai bahagian muatan lori

Oleh Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

Port Dickson

Biarpun operasi dan rampasan diesel subsidi dilakukan hampir setiap minggu, daerah ini terus menjadi 'lubuk' sindiket penyelewengan bahan api berkenaan.

Terbaharu polis daerah Port Dickson berjaya menahan empat lelaki yang didapati menyimpan kira-kira 11,400 liter diesel bersubsidi bernilai hampir RM25,000 secara salah.

Rampasan itu adalah hasil risikan dan serbuan sepasukan anggota polis di sebuah premis di Chuah dan Lukut, Port Dickson di sini,

jam 10.30 pagi kelmarin.

Ketua Polis Daerah Port Dickson Superintendan Aidi Sham Mohamed berkata, suspek ditahan berusia lingkungan 18 sehingga 53 tahun.

"Ketika pemeriksaan dijalankan kesemua mereka gagal mengemukakan sebarang permit pemborong atau peruncit atau surat kebenaran bertulis menyimpan diesel yang dikeluarkan Pengawal Bekalan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Dalam serbuan itu, polis turut merampas tiga lori

dan 11 tangki empat segi yang dimuatkan di bahagian belakang lori itu," katanya semalam.

Beliau berkata, modus operandi digunakan adalah mengubah suai pelbagai jenis lori dan meletakkan tangki di bahagian muatan.

Aidi Sham berkata, suspek kemudian akan membeli diesel di stesen minyak untuk diisikan ke dalam tangki itu menggunakan satu saluran kecil di bahagian bawah lori.

"Apabila semua tangki itu sudah penuh, diesel berkenaan akan dibawa ke stor

simpanan untuk dikumpulkan sebelum dijual pada harga industri yang membolehkan sindiket memperoleh untung 'atas angin'.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Pada 11 Ogos lalu, KPDNHEP Negeri Sembilan berjaya menyita 17,000 liter diesel bernilai RM36,550 selepas menumpaskan satu kegiatan penyelewengan di Lukut, di sini.

Difahamkan, sepasukan penguat kuasa KPDNHEP bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri, menyerbu sebuah lokasi terpencil di Kampung Sri Parit Lukut, Port Dickson dan menahan dua suspek.

“
**Suspek ditahan
berusia
lingkungan 18
sehingga 53
tahun**
Aidi Sham

Kuantan: Taktik lapuk sindiket penyelewengan diesel subsidi di Pahang mengubah suai lori dengan memasang tangki keluli tambahan untuk diisi bahan api berkenaan sentiasa memakan diri.

Buktinya, dalam tempoh dua minggu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang merampas 1,900 liter diesel bersubsidi hasil dua serbuan berasingan.

Pada kedua-dua serbuan itu, KPDNHEP turut menahan tiga lelaki selain menyita masing-masing sebuah lori tujuh serta tiga tan yang dipasang dengan tangki keluli tambahan.

KPDNHEP Pahang rampas 1,900 liter diesel bersubsidi

Pada serbuan terbaru, seorang lelaki tempatan ditahan bersama 900 liter diesel bersubsidi di sebuah stesen minyak di Jalan Berserah di sini, jam 12.30 tengah hari, kelmarin.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Pahang Datuk Mark Ujin berkata, lelaki berumur 48 tahun terbabit ditahan ketika mengisi diesel

ke dalam lori tiga tan.

"Pemeriksaan menemukan satu tangki keluli tambahan yang diubah suai di bahagian kabin belakang lori terbabit.

"Turut ditemukan ialah pam yang digunakan untuk menyedut diesel ke tangki keluli terbabit. Kami menyita lori, diesel selain menahan suspek untuk siasatan lanjut," katanya dihubungi,

semalam.

Menurut beliau, kes diasas mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Mark berkata, sebelum itu, pada serbuan pertama di sebuah stesen minyak di Indera Mahkota di sini, 2 Ogos lalu, pihaknya menahan dua lelaki bersama 1,000 liter diesel yang sudah diisi dalam tangki lori tujuh tan.

"Kami sentiasa menjalankan pemantauan di stesen minyak di negeri ini bagi mencegah ketirisan ini," katanya.

KPDNHEP Pahang sentiasa menjalankan pemantauan di stesen minyak



TANGKI keluli yang digunakan untuk mengisi diesel dalam sebuah lori di Kuantan.

Pemandu lori isi diesel dalam tangki simpanan logam



SEBUAH pam yang dipasang berhampiran tangki lori untuk salur diesel dari tangki bahan api di sebuah stesen minyak di Jalan Besar Kuantan kelmarin.

KUANTAN – Tindakan seorang pemandu lori yang mengisi minyak dalam keadaan mencurigakan membawa kepada penemuan penyeludupan minyak diesel menggunakan tangki diubah suai sekitar daerah ini.

Pemandu lori berusia 48 tahun itu dipercayai menyeleweng minyak diesel bersubsidi di sebuah stesen minyak di Jalan Besar, dekat sini, kira-kira pukul 12.30 tengah hari kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang, Datuk Mark Ujin berkata, lelaki itu diberkas ketika sedang mengisi diesel ke dalam tangki simpanan logam yang diubah

suai di belakang lori tiga tan miliknya.

"Pasukan penguatkuasa mengesan lelaki itu yang dilihat dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan ke atas lori itu, pasukan penguatkuasaan jumpa tangki simpanan logam yang disimpan di belakang dengan hos di atas tangki," katanya di sini semalam.

Ujarnya, berdasarkan pemeriksaan ke atas lori berkenaan, ada satu pam dipasang berhampiran tangki untuk menyalurkan diesel daripada tangki bahan api ke dalam tangki yang diubah suai.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati tangki yang diubah

suai itu mengandungi kira-kira 900 liter bahan api.

"Pihak KPDNHEP telah menyita lori itu serta menahan pemandu untuk siasatan lanjut mengikut Peraturan 18(1) Akta Kawalan Bekalan 1961," kata Mark.

Dalam pada itu Mark menambah, pasukan penguatkuasa akan melakukan pemeriksaan di balai-balai rondaan di seluruh negeri bagi mengengkang sindiket menyalahgunakan diesel bersubsidi.

Ujarnya, pengusaha stesen dan orang ramai yang mempunyai maklumat atau mengesan aktiviti mencurigakan di pam minyak diminta memaklumkan kepada pihaknya.

Cubaan seleweng minyak diesel bersubsidi gagal

KUANTAN - Seorang pemandu lori ditahan ketika mengisi diesel ke dalam tangki simpanan logam yang diubah suai di belakang lori tiga tan miliknya di sebuah stesen minyak di Jalan Besarah, di sini pada Isnin.

Penahanan lelaki berusia 48 tahun itu dibuat oleh penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana dipercayai terlibat dalam kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi di daerah itu.

Pengarah KPDNHEP Pahang, Datuk Mark Ujin berkata, hasil pemeriksaan menemui tangki simpanan logam yang disimpan di belakang lori tersebut dengan hos di atas tangki.

"Ketika ditahan, dianggarkan 900 liter diesel sudah diisi ke dalam tangki berkenaan.

"Turut ditemukan sebuah pam yang dipasang berhampiran tangki untuk menyalurkan diesel dari tangki bahan api itu ke dalam tangki yang diubah suai," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Jelasnya, pemandu tersebut ditahan untuk siasatan lanjut manakala lori disita dan kes disiasat mengikut Peraturan 18(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Susulan kejadian itu, Mark berkata, pasukan penguat kuasa akan melakukan pemeriksaan dan rondaan di stesen minyak di seluruh Pahang bagi mengekang sindiket menyalahgunakan diesel bersubsidi.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat atau mengesan aktiviti mencurigakan di pam stesen minyak supaya memaklumkan kepada kementerian," ujarnya.



Penguat kuasa KPDNHEP memeriksa lori yang telah diubah suai bagi tujuan menyeleweng minyak diesel di Jalan Besarah, Kuantan pada Isnin. Gambar kecil: Mark

Kedai nasi ayam tular disiasat

Pemilik, pekerja diambil keterangan berikutan dakwaan ambil bahan masakan daripada restoran bukan Islam

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI GEORGETOWN

Pemilik kedai nasi ayam yang kontroversi susulan didakwa mengambil bahan masakan daripada sebuah restoran milik bukan Islam telah diambil keterangan berhubung perkara tersebut.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, sekumpulan penguat kuasa terdiri daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAINPP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menjalankan soal siasat ter-

hadap dua lelaki di hadapan sebuah premis di kompleks beli-belah di sini pada tengah hari Selasa.

Hasil pemerhatian, lelaki tersebut iaitu dipercayai pemilik kedai dan seorang lagi disyaki pekerjaanya sedang diambil keterangan.

Sinar Harian difahamkan, selepas keterangan daripada dua lelaki tersebut diambil, kumpulan penguat kuasa tersebut bergerak ke restoran nasi ayam dan nasi itik milik bukan Islam yang terletak di Paya Terubong untuk siasatan lanjut.

Salah seorang penguat kuasa ketika ditemui di lokasi berkata, mereka hanya datang untuk mengambil keterangan bagi menjalankan siasatan selanjutnya.

Katanya, hasil keterangan awal, mereka mendakwa nasi ayam dan nasi itik tersebut dimasak di premis makanan di sebuah kompleks beli-belah di sini sebelum dibawa ke kedai di Sungai Ara.

"Kami datang ambil keterangan daripada pemilik dan seorang pekerja. Saya tidak boleh keluar kenyataan, hanya menjalankan siasatan.

"Apa-apa tunggu kenyataan



Sekumpulan penguat kuasa mengambil keterangan daripada dua lelaki dipercayai pemilik dan pekerja sebuah kedai nasi ayam di sebuah kompleks beli-belah di Georgetown pada Selasa.

rasminya daripada pihak atasan," katanya ketika ditemui di hadapan premis nasi ayam dan itik di sebuah kompleks beli-belah di sini pada Selasa.

Sebelum ini, tular klip video berdurasi 2 minit 38 saat berhubung dua lelaki Melayu dilihat

memasuki sebuah restoran bukan Islam di Paya Terubong dipercayai untuk mengambil hidangan nasi ayam dan menjualnya di gerai milik orang Melayu di Sungai Ara.

Perkara itu telah mencetuskan ketidakpuasan hati dalam

kalangan orang Islam terutamanya pelanggan yang pernah membeli juadah nasi ayam di kedai terbabit.

Difahamkan, setelah tular video tersebut, pemilik gerai telah menutup perniagaan mereka selepas dinasihati penduduk berdekatan.

Lebih mengecewakan, kedai itu tular dan mendapat perhatian ramai setelah ia mendapat liputan reviu berbayar daripada seorang pengengaruh media sosial.

Bagaimanapun, pengengaruh tersebut telah tampil menjelaskan perkara sebenar bahawa dia tidak mengetahui mengenai tuduhan tersebut dan hanya menjalankan tugas setelah dibayar untuk membuat reviu berbayar.

Bimbang tuduhan tersebut akan mengeruhkan lagi keadaan, pengengaruh tersebut telah memadam video berkenaan.

Susulan itu, tular sebuah lagi video dipercayai daripada pemilik kedai menafikan tuduhan tersebut.

Pemilik kedai terbabit menjelaskan, mereka memasak makanan itu sendiri di sebuah premis di kompleks beli-belah untuk dijual di premisnya.

Senarai Harga Barang Keperluan			
• Ayam	RM7.59	• Telur Gred A	RM12.90
• Daging Lembu Tempatan	RM39	• Ikan Kembung	RM10.99
• Daging Lembu Import	RM46	• Minyak Masak	RM6.70
		• Gula Pasir	RM2.84
		• Bawang Besar Holland	RM3.99
		• Bawang Putih	RM4.99
		• Cili Merah	RM14
		• Kubis Bulat Tempatan	RM4
		• Tepung Gandum	RM2.80

*Harga (RM/kg) Sumber: KPOWHEP

BERITA ONLINE BERTARIKH 17 OGOS 2022

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
17-Aug	SSMNC22 ke-11 catat rekod penyertaan 2,400 delegasi dengan tema 'Tadbir Urus Korporat dan Kemampanan'	https://www.google.com/amp/s/malaysiagazette.com/2022/08/16/ssmnc22-ke-11-catat-rekod-penyertaan-2400-delegasi-dengan-tema-tadbir-urus-korporat-dan-kemampanan/%3famp	MALAYSIAGAZETTE
17-Aug	KPDNHEP Miri kompaun empat kes kesalahan peniaga	https://www.utusanborneo.com.my/2022/08/16/kpdnhep-miri-kompaun-empat-kes-kesalahan	UTUSAN BORNEO
17-Aug	KPDNHEP PAHANG PATAHKAN CUBAAN SELEWENG 900 LITER DIESEL	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/872077/kpdnhep-pahang-patahkan-cubaan-seleweng-900-liter-diesel	HARIAN METRO
17-Aug	Cubaan seleweng 900 liter diesel gagal	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2022/08/988991/cubaan-seleweng-900-liter-diesel-gagal	BERITA HARIAN
17-Aug	'Hantu' diesel masih berkeliaran	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/872022/hantu-diesel-masih-berkeliaran	HARIAN METRO
17-Aug	'Hantu' diesel masih berkeliaran	https://my-tv.online/2022/08/16/hantu-diesel-masih-berkeliaran/	MyTVONLINE
17-Aug	NO OFFICAL COMPLAINT LODGED OVER VIRAL SG ARA CHICKEN RICE CONTROVERSY	https://www.nst.com.my/news/nation/2022/08/822738/no-official-complaint-lodged-over-viral-sg-ara-chicken-rice-controversy	NST
17-Aug	Siasat segera kes tular kedai nasi ayam	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/872075/siasat-segera-kes-tular-kedai-nasi-ayam	HARIAN METRO

17-Aug	Pemilik, pekerja kedai nasi ayam diambil keterangan	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/216684	SINAR HARIAN
17-Aug	Jabatan agama diarah siasat peniaga nasi ayam ambil bekalan di restoran bukan Islam	http://www.dailyexpress.com.my/news/197728/jabatan-agama-diarah-siasat-peniaga-nasi-ayam-ambil-bekalan-di-restoran-bukan-islam/	DAILYEXPRESS
17-Aug	JHEAIPP siasat dakwaan peniaga nasi ayam ambil bekalan dari peniaga bukan Islam	https://www.malakatribunenews.com/2022/08/jheaipp-siasat-dakwa-peniaga-nasi-ayam-ambil-bekalan-dari-peniaga-bukan-islam/	MELAKATRIBUNE
17-Aug	Kecoh Kedai Nasi Ayam Itik Viral Didakwa Ambil Makanan Dari Restoran Tak Halal, JHEAIPP Lakukan Siasat [Video]	https://www.google.com/amp/s/www.therakyatpost.com/trpbm/viral/2022/08/16/kecoh-kedai-nasi-ayam-itik-viral-didakwa-ambil-makanan-dari-restoran-tak-halal-jheaipp-lakukan-siasat-video/amp/	THERAKYATPOST
17-Aug	JHEAIPP DIARAH SIASAT KES TULAR KEDAI NASI AYAM	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2111389	BERNAMA
17-Aug	Arak, diesel bersubsidi lebih setengah juta ringgit dirampas	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/216768	SINAR HARIAN
17-Aug	KPDNHEP approved 395 direct selling licences, raking RM25.7bil in total sales value	https://www.nst.com.my/business/2022/08/822843/kpdnhep-approved-395-direct-selling-licences-raking-rm257bil-total-sales	NST
17-Aug	SSMNC22 catat rekod penyertaan 2,400 delegasi	https://www.google.com/amp/s/malaysiagazette.com/2022/08/16/ssmnc22-catat-rekod-penyertaan-2400-delegasi/%3famp	MALAYSIAGAZETTE
17-Aug	JHEAIPP to investigate Sg Ara non-halal chicken rice viral claim	https://www.thesundaily.my/local/jheaipp-to-investigate-sg-ara-non-halal-chicken-rice-viral-claim-NE9600780	THESUNDAILY

17-Aug	SAH KEDAI NASI AYAM VIRAL TI- ADA SIJIL HALAL	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2022/08/16/sah-kedai-nasi-ayam-viral-tiada-sijil-halal	MSTAR
17-Aug	DUA GERAJ NASI AYAM TULAR TIADA SIJIL HALAL	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2111644	BERNAMA
17-Aug	KPDNHEP Sabah berjaya gagalkan cubaan seleweng minyak diesel bersubsidi	https://sabahmedia.com/2022/08/16/kpdnhep-sabah-berjaya-gagalkan-cubaan-seleweng-minyak-diesel-bersubsidi/	SABAHMEDIA